

Aforisme

“Guru ialah seseorang yang mempunyai kunci untuk anda menjadi seorang Guru... untuk membantu anda sedar bahawa anda juga seorang Guru dan bahawa anda dan Tuhan adalah Satu. Itulah semuanya... itulah satu-satunya peranan Guru.”

~Mahaguru Ching Hai~

“Kaedah kami bukanlah suatu agama. Saya tidak menukarkan sesiapa kepada Katolik atau agama Buddha, atau kepada sebarang ‘isme’ yang lain. Saya hanya menawarkan anda satu cara mengenali diri anda sendiri, mengetahui anda datang dari mana, mengingati misi anda di bumi, menjumpai rahsia alam semesta, memahami mengapa terdapat begitu banyak kesengsaraan dan melihat apa yang menanti kita selepas kematian.”

~Mahaguru Ching Hai~

“Kita terpisah daripada Tuhan kerana kita terlalu sibuk. Sekiranya seseorang bertutur dengan anda dan telefon berdering, dan anda sibuk memasak atau berbual dengan orang lain, tiada seorang pun dapat berhubung dengan anda. Tuhan juga mengalami keadaan yang sama. Dia membuat panggilan setiap hari tetapi kita tidak melapangkan masa untuk-Nya, lebih-lebih lagi memutuskan talian telefon-Nya.”

~Mahaguru Ching Hai~

BIOGRAFI RINGKAS MAHAGURU CHING HAI

Mahaguru Ching Hai dilahirkan di sebuah keluarga yang kaya di Aulac. Bapanya seorang tabib perubatan Cina yang sangat dihormati. Beliau membesar dalam keluarga Katolik, dan pada masa yang sama belajar agama Buddha daripada neneknya. Sejak zaman kanak-kanak lagi, Beliau meminati buku-buku falsafah dan doktrin-doktrin keagamaan, dan bersikap belas kasihan yang tidak biasa terhadap semua hidupan.

Semasa berumur lapan belas tahun, Mahaguru Ching Hai melanjutkan pelajarannya ke England, kemudian pergi ke Perancis dan Jerman, bekerja dengan Red Cross Jerman dan seterusnya berkahwin dengan seorang ahli sains Jerman. Selepas dua tahun kehidupan yang bahagia, dengan keizinan suaminya, Beliau meninggalkan perkahwinannya untuk menunaikan hasratnya sejak kecil lagi, iaitu memperoleh Penerangan.

Pada masa itu, Beliau mempelajari pelbagai cara meditasi daripada guru-guru yang berlainan. Beliau menyedari bahawa adalah tidak mungkin bagi membantu penderitaan manusia dengan daya seorang diri. Beliau memahami bahawa cara terbaik untuk membantu manusia adalah memperoleh Penerangan penuh. Dengan hasrat tunggal ini, Beliau mengembara ke banyak negara, mencari kaedah memperoleh Penerangan yang sempurna. Selepas percubaan bertahun-tahun yang menyusahkan, akhirnya Mahaguru Ching Hai menjumpai Kaedah Kuan Yin, mendapat Pemindahan Ketuhanan di Himalaya. Setelah berlatih dengan tekun untuk seketika masa di Himalaya, Mahaguru Ching Hai memperoleh Penerangan penuh.

Selepas itu Mahaguru Ching Hai mengamalkan kehidupan yang tenang sebagai seorang rahib agama Buddha untuk beberapa tahun sehingga beberapa orang datang memintanya mengajarkan dan memberikan inisiasi kepada mereka. Oleh sebab permintaan dan usaha anak murid awal Formosa dan Amerika Syarikat yang berterusan, Mahaguru Ching Hai mula memberikan syarahan di seluruh dunia dan memberikan inisiasi kepada beribu-ribu orang aspiran kerohanian yang ikhlas.

Hari ini, semakin banyak pencari Kebenaran dari negara dan agama yang berlainan datang kepada Beliau untuk mendapatkan kebijaksanaan tertinggi. Mahaguru Ching Hai telah membuktikan dengan sendiri Kaedah Kuan Yin ialah kaedah yang tertinggi. Bagi mereka yang ikhlas, Beliau rela memberikan inisiasi dan bimbingan kerohanian kepada mereka.